

PELAN STRATEGIK


MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT **TAHUN**

2021-2025



ISI KANDUNGAN

- 2 | Perutusan Yang Dipertua**
- 3 | Ringkasan Eksekutif**
- 4 | BAB 1 – LATAR BELAKANG PENTADBIRAN**
- 5 | Sejarah dan Latar Belakang Daerah**
- 6 | Sejarah dan Latar Belakang Organisasi**
- 7 | Latar belakang dan Keluasan Kawasan Pentadbiran MPKL**
- 8 | Logo Majlis Perbandaran Kuala Langat**
- 9 | Carta Organisasi Majlis Perbandaran Kuala Langat**
- 10 | Punca Kuasa**
- 11 | Pemegang Taruh dan Pelanggan**
- 12 | BAB 2 – ANALISIS PERSEKITARAN**
- 13-14 | Pencapaian Majlis Perbandaran Kuala Langat 2016 - 2020**
- 15-16 | Cabaran Kritikal**
- 17 | Analisis Persekitaran (SWOT)**
- 18 | BAB 3 – HALA TUJU STRATEGIK MPKL**
- 19 | Visi, Misi Dan Motto**
- 20 | Pengenalan Matlamat Pembangunan Mampan**
- 21 | Penjajaran Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kuala Langat 2021-2025**
- 22-43 | Pelan Strategik MPKL 2021 – 2025**
- 44 | Strategik Komunikasi Pelan Strategik**
- 45 | Elemen Penentu Kejayaan**
- 46 | Rumusan**



PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum dan selamat sejahtera, Syukur Alhamdulillah, saya ingin merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kuala Langat Tahun 2021-2025 (PS MPKL 2021-2025) berjaya diterbitkan. Ucapan syabas dan tahniah saya ucapkan atas komitmen semua Ahli Jawatankuasa Pelan Strategik dan Penyelaras Jabatan Pelan Strategik yang telah merealisasikan penerbitan Buku Pelan Strategik MPKL 2021-2025.

Tahun 2020 menjadi tahun yang sukar berikutan daripada pandemik COVID-19 yang telah melanda di seluruh dunia serta memberi kesan yang amat besar terhadap sesebuah sistem perkhidmatan dan pentadbiran. Sekalung ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja kerana telah bertungkus lumus serta memberikan komitmen yang sangat baik dalam usaha untuk menaiktaraf status majlis sejak tahun 2007. Proses ini sememangnya mengambil masa yang lama untuk direalisasikan bagi meyakinkan pihak Kerajaan Negeri dan seterusnya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Semangat kerjasama dan usaha ini telah membuahkan hasil apabila pewartaan perakuan status baharu sebagai Majlis Perbandaran Kuala Langat telah dibuat pada 1 Mac 2020. Syabas MPKL.

Melalui pendekatan Bandar Pintar (Smart City), Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) dan Internet of Things (IoT), MPKL sentiasa berusaha dalam melestarikan perkhidmatan terbaik serta pembangunan yang bersepadu dan mampan selaras dengan Rancangan Tempatan MPKL 2030.

Dengan membentuk Visi baru iaitu "Kuala Langat Perbandaran Yang Mampan, Komprehensif dan Berdaya Saing Menjelang 2025", MPKL menekankan aspek-aspek pengurusan tadbir urus, penyediaan prasarana dan infrastruktur, pembangunan mampan, sosio ekonomi dan masyarakat lestari bagi menjadikan MPKL sentiasa komited dalam menyampaikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik dan memenuhi ekspektasi warga daerah Kuala Langat, sesuai dengan motto MPKL iaitu "Kuala Langat Indah, Harmoni dan Bestari"

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga kerja MPKL, dengan penarafan ini, diharapkan MPKL akan meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam warga MPKL. PBT adalah cerminan corak pentadbiran kerajaan negeri dan tidak boleh bertindak sendirian. Pengamalan komunikasi yang cekap dan berkesan dapat menjamin mutu perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Semoga MPKL mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT, In shaa Allah.

Sekian, terima kasih.

Dato' Amirul Azizan Bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P.

Yang Dipertua,

Majlis Perbandaran Kuala Langat.



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) 2021-2025 dirangka untuk memacu hala tuju MPKL bagi tempoh 5 tahun yang akan datang dan dijadikan garis panduan bagi mencapai visi dan misi MPKL. Kejayaan MPKL mendapat perakuan untuk dinaik taraf sebagai majlis perbandaran adalah hasil kerja keras yang memakan masa bertahun untuk direalisasikan.

Prestasi pelaksanaan strategi di dalam Pelan Strategik MPKL 2021-2025 telah mensasarkan ke arah mewujudkan Daerah Kuala Langat sebagai sebuah perbandaran yang maju, dinamik dan lestari di samping melahirkan masyarakat berilmu dan harmoni. Untuk memastikan semua pihak memainkan peranan ke arah pencapaian objektif strategik, prestasi di peringkat jabatan, bahagian dan unit akan dijadikan ukuran. Justeru itu, penerapan nilai - nilai yang dikongsi bersama seluruh warga kerja MPKL bagi merealisasikan visi dan misi tersebut maka pembentukan 5 Teras, 33 Strategi dan 114 Pelan Tindakan telah digariskan. Ianya akan merangka serta melaksanakan projek pembangunan berimpak tinggi termasuk penyediaan kemudahan dan infrastruktur awam, memajukan kawasan pelancongan, pemeliharaan warisan sejarah serta alam semula jadi seiring pembangunan yang mampan dan lestari. Bandar Pintar (Smart City), Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals), Internet of Things (IoT) adalah menjadi asas kepada penajaran di dalam pembangunan Pelan Strategik MPKL 2021-2025 ini.

Penyediaan dokumen Pelan Strategik MPKL 2021-2025 ini pastinya memerlukan tindakan pemantauan secara konsisten agar warga MPKL dapat menjiwai hasrat serta hala tuju strategik MPKL khususnya dari sudut pencapaian pelaksanaan serta penilaian impak yang diharapkan. Pemurnian dokumen ini dalam bentuk pelan tindakan yang berterusan akan terus menjadikan dokumen ini sebagai asas rujukan utama untuk perancangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Jabatan, Bahagian dan Unit di MPKL.

BAB 1

LATAR BELAKANG PENTADBIRAN



SEJARAH DAN LATAR BELAKANG DAERAH

Sejarah Awal Pentadbiran Daerah Kuala Langat

Apabila Sultan Abdul Samad diangkat menjadi Sultan Selangor yang ke empat, baginda telah berpindah ke Jugra. Kedudukan Jugra adalah dikira dari Bukit Jugra hingga ke puncaknya. Kedudukannya di kawasan tinggi dikatakan mudah untuk mengawasi keselamatan kawasan tersebut. Jugra juga terkenal sebagai pelabuhan yang penting dari segi perdagangan selain dari Melaka dan ia juga dikenali sebagai Langat. Langat begitu istimewa jika dibandingkan dengan daerah lain di Selangor kerana keadaannya yang aman. Mungkin atas dasar inilah Sultan Abdul Samad (Tahun 1859 – 1898, Sultan Selangor ke-IV) telah menjadikan Langat sebagai tempat baginda bersemayam dan sebagai pusat pemerintahan Kerajaan Selangor. Oleh yang demikian, sejak tahun 1857 hinggalah baginda mangkat pada tahun 1898, baginda telah disemayamkan di Jugra. Sultan Abdul Samad telah membina istana baginda yang baru di kaki Bukit Jugra yang dikenali dengan nama Istana Jugra. Pada tahun 1875, Frank Swettenham masih berada di Langat dan Jugra merupakan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor selepas Kuala Selangor. Ini dikuatkan lagi dengan tiga orang Pegawai Daerah dari bangsa Inggeris iaitu Normad, Adam dan Clayton.

Sebelum wujudnya Kesultanan Selangor pada tahun 1743, Langat ditadbir oleh pembesar tempatan yang mempunyai kuasa autonomi dari segi politik dan ekonomi. Pembesar tempatan ini yang mengutip cukai dan hasil untuk kepentingan diri sendiri dan para pengikut mereka. Pentadbiran Langat pada masa itu adalah berada di bawah penguasaan Penghulu Tuah di kawasan pesisir pantainya.

Daerah Kuala Langat merupakan salah satu daripada sembilan (9) daerah dalam negeri Selangor. Ia terletak di sebelah barat daya negeri Selangor dan bersebelahan di bahagian selatan Daerah Kelang serta di sebelah barat Daerah Sepang. Untuk mengetahui asal-usul Langat secara mudah ia dapat dikaitkan dengan sebatang sungai yang bernama Sungai Langat. Dari segi kedudukan Langat terletak di kuala sungai tersebut. Menurut sumber lisan ada yang mengatakan bahawa Langat itu berasal dari perkataan Minangkabau yang membawa maksud "Air Hangat". Menurut sumber ini lagi pada masa dahulu pedagang-pedagang menggunakan Sungai Langat sebagai jalan perdagangan dan mereka mendapati air di bahagian kuala sungai tersebut sentiasa hangat. Lama kelamaan kawasan di persekitarannya disebut Kuala Langat.



SEJARAH DAN LATAR BELAKANG ORGANISASI

Sejarah Penubuhan Majlis Perbandaran Kuala Langat


Sejarah awal penubuhan Majlis Perbandaran Kuala Langat dikenali sebagai Majlis Daerah Kuala Langat yang bermula 1 Januari 1977 di bawah peruntukan Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan 1976). Penubuhan ini adalah gabungan daripada Lembaga Bandaran Banting, Majlis Tempatan Sg. Jarom dan Majlis Tempatan Tanjung Sepat. Keluasan kawasan pentadbiran MDKL pada awal penubuhannya adalah seluas 9.6 kilometer persegi (3.7 batu persegi) mengikut pelan Warta 460 bertarikh 1.1. 1977. Penambahan keluasan pelan Warta 510 bertarikh 5.6.1987.

Keluasan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat kini adalah 85,770 hektar termasuk kawasan 3 batu nautika dari tikas air surut mengikut pelan Warta 1442 bertarikh 26 Oktober 2006. Bilangan penduduknya adalah seramai 323,400 orang (unjuran tahun 2020). Kuala Langat terdiri daripada tujuh (7) buah mukim iaitu Mukim Telok Panglima Garang, Mukim Tanjung Dua Belas, Mukim Morib, Mukim Kelanang, Mukim Batu, Mukim Jugra dan Mukim Bandar. Lokasi Majlis Perbandaran Kuala Langat juga bersempadanan dengan pusat-pusat pembangunan utama negara iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Cyberjaya dan Pelabuhan Barat di Pulau Indah. Di peringkat nasional, ianya terletak di dalam konurbasi Kuala Lumpur-Lembah Klang-Seremban yang merupakan konurbasi pembangunan negara yang utama dan juga telah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada Wilayah Lembah Klang II.

Pada tarikh bersejarah iaitu 1 Mac 2020, Majlis Daerah Kuala Langat diwartakan sebagai Majlis Perbandaran Kuala Langat melalui No. Warta 675 bertarikh 27 Februari 2020. Pada 9 September 2020, Majlis Pengisytiharan Sempena Menjunjung Titah Sultan Selangor bagi Pengisytiharan MPKL di Dewan Sri Jugra, Banting telah disempurnakan oleh Menteri Besar, Dato’ Seri Amirudin Shari.




LATAR BELAKANG DAN KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN MPKL





PELAN PERSEMPADANAN MUKIM DAERAH KUALA LANGAT


- > Berkeluasan 85,770 hektar
- > Bersempadan dengan Daerah Klang, Petaling dan Sepang
- > Meliputi 7 mukim



Jenis Gunatanah Tepu Bina	Peratus(%)
Perumahan	3.15
Komersial	0.30
Industri	1.78
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	1.11
Tanah Lapang dan Rekreasi	0.39
Infrastruktur dan Utiliti	0.11
Pengangkutan	5.27



Jenis Gunatanah Bukan Tepu Bina	Peratus(%)
Pertanian	68.62
Penternakan dan Akuakultur	1.11
Tanah Kosong	1.82
Hutan dan Hutan Simpanan Kekal	10.19
Badan Air	5375
Pantai	0.11



LOGO MPKL



RASIONAL



HIJAU

Warna hijau dan simbol junjungan melambangkan Islam sebagai agama rasmi dan menggambarkan keharmoniaan beragama bagi semua lapisan masyarakat.



KUNING

Warna Kuning melambangkan taat setia kepada institusi beraja DYMM Sultan Selangor sebagai ketua negeri.



MERAH

Warna merah melambangkan keyakinan dan dinamik yang tinggi bagi MPKL memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.




BIRU

Warna biru melambangkan integriti dan kesepakatan MPKL dalam menongkah cabaran pada masa hadapan demi kemajuan dan kesejahteraan rakyat.

مجلس قرباندرن كوالا لاغت

KALIGRAFI KHAT

Perkataan Majlis Perbandaran Kuala Langat dan tulisan kaligrafi khat khufi yang jelas digunakan menggambarkan MPKL sentiasa memperkayakan seni dan tradisi selaras dengan kemajuan semasa.




Bangunan melambangkan fizikal bandar yang mampan.



Melambangkan Kuala Langat kaya dengan monumen bersejarah dan sebagai destinasi pelancongan.



CARTA ORGANISASI MPKL



PUNCA KUASA

MPKL menjalankan tugas berlandaskan kepada peruntukan undang-undang seperti yang disenaraikan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan:



PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN

MPKL berurusan dengan pelbagai pihak dalam melaksanakan tugas sebagai Pihak Berkuasa Tempatan di Daerah Kuala Langat. Pelanggan MpKL terdiri daripada komuniti

MPKL, warga kerja sektor kerajaan dan swasta, operator perniagaan, pengusaha industri, pelajar, orang awam dan sebagainya. Manakala pemegang kepentingan adalah pihak Kerajaan Persekutuan, pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama pelbagai pihak dalam membangunkan Kuala Langat menjadi sebuah daerah yang maju adalah penting.



BAB 2

ANALISA PERSEKITARAN



PENCAPAIAN MPKL SEPANJANG PELAN STRATEGIK TAHUN 2016 - 2020

TAHUN 2016

KETERANGAN	ANUGERAH
Sijil Bersih Untuk Penyata Kewangan MDKL Berakhir 31 Disember 2016	Jabatan Audit Negara
Sijil Pematuhan Sistem Perakaunan Saga	Jabatan Akauntan Negara
Persijilan Audit Sirim dan Audit Pemantauan	Sirim QAS International Sdn Bhd
Anugerah Bandar Mampan – Pelaksanaan MURNInets Tahun 2015 (10 PBT Terbaik)	Kementerian Kesejahteraan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
Johan Bagi Pertandingan Pantai Angkat Peringkat Negeri Selangor 2016 – Pantai Kelanang	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Penganjuran Morib Retromania Grand Gathering 2016 – Pengiktirafan Malaysia Book Of Record	Pengiktirafan Malaysia Book Of Record
Anugerah Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejuranan Hijau – Sistem Bagi Pengumpulan & Penggunaan Semula Air Hujan (Kategori Majlis Daerah Di Peringkat Kebangsaan)	Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor Dengan Kerjasama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
Malaysia Government Portal And Websites Assesment 2016 – 5 Bintang	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor

TAHUN 2017

KETERANGAN	ANUGERAH
Pertandingan Papan Iklan Luar Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2017 Sempena Program Bulan Bahasa Kebangsaan	Anugerah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
Pelaksana Inisiatif Pembangunan Kejuranan Hijau –Penyediaan Laluan Basikal –Penyediaan Laluan Pejalan Kaki	Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2017
Audit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2017	Gred Sederhana
Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin Majlis Daerah	Sempena Bulan Kebajikan 2017
Persijilan ISO Versi MS ISO 9001:2015	MS ISO 9001:2015 SIRIM
Penggedan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2017– 5 Bintang	Anugerah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
Penganjuran Morib Retromania Grand Gathering 2017 – Pengiktirafan Malaysia Book Of Record	Pengiktirafan Malaysia Book Of Record

TAHUN 2018

KETERANGAN	ANUGERAH
MDKL berjaya mengekalkan Sijil Kewangan Bersih 8 tahun berturut-turut	Jabatan Audit Negara
Johan Sungai Angkat : Taman Rekreasi Paya Bakau Sijangkang	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Tempat Ke-3 Pantai Angkat : Pantai Morib	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Pengiktirafan Persekitaran Mampan Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor 2018	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Anugerah Bandar Mampan (Tempat Pertama Kategori Majlis Daerah)	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau (Kategori Majlis Daerah)	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Anugerah Hari Kurang Upaya Kebangsaan 2018 : Kategori Anugerah PBT Prihatin (Majlis Daerah)	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Anugerah Kempen #Bebasplastik Negeri Selangor	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Audit Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2018	
Penyampaian Anugerah Penarafan 5 Bintang Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Tahun 2018	
Anugerah Selangor Inverstors Appreciation Awards 2018	

TAHUN 2019

KETERANGAN	ANUGERAH
Taraf Lima Bintang dalam Pencapaian Sistem Penarafan Bintang	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Anugerah Selangor 'Appreciation Awards' 2018	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Penggredan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2019(5 Bintang - 94.71%)	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Low Carbon Cities Award	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Anugerah Inisiatif Hijau Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia(HPBS) Peringkat Negeri Selangor 2019	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Anugerah "My Place Award" 2019	Anugerah Kerajaan Negeri Selangor
Morib Retromania Grand Gathering 2019 (Pengiktirafan Malaysia Book Of Record)	Pengiktirafan Malaysia Book Of Record
MDKL Telah Diperaku Untuk Dinaiktaraf Sebagai Majlis Perbandaran Kuala Langat Pada Tahun 2020	Peringkat Kebangsaan
Pensijilan MS ISO 37001:2016 : Anti Bribery Management 18 April 2019	Peringkat Kebangsaan

TAHUN 2020

KETERANGAN	ANUGERAH
Pemasyhuran Majlis Perbandaran Kuala Langat	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN

CABARAN DALAMAN

MENGUKUHKAN TADBIR URUS YANG TERBAIK BAGI MENCAPAI PENGURUSAN BERKUALITI

- Kekurangan sumber manusia yang terlatih menyebabkan perkhidmatan yang diberikan tidak cekap.
- Perkembangan kerjaya yang terhad kerana perkhidmatan yang tertutup menyebabkan pegawai yang dilantik kurang menunjukkan minat untuk bekerja.
- Pengukuhan unit latihan bagi memberikan latihan berterusan kepada semua kategori kakitangan.
- Kajian terhadap prosedur kerja di MPKL untuk mempercepatkan sesuatu proses kerja di setiap jabatan. Terdapat prosedur yang telah lama dan tidak selaras dengan kehendak masyarakat masa kini.
- Masih kekurangan kesedaran masyarakat berkaitan dengan kemudahan ICT yang disediakan oleh pihak MDKL.

PERKONGSIAN MAKLUMAT SECARA EFISIEN

- Banyak pertindihan bidang tugas antara satu jabatan menyebabkan tindakan lambat dilaksanakan.

PERKEMBANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

- Kekurangan sumber manusia ICT dan pendekatan kepada masyarakat dalam penyediaan kemudahan ICT terkini serta sistem aplikasi untuk menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan. Contoh : e-taksiran, e-aduan (STARS), Mysms dan lain – lain.
- Masih kekurangan kesedaran masyarakat berkaitan dengan kemudahan ICT yang disediakan oleh pihak MPKL

PENGLIBATAN AKTIF DALAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

- Jalinan kerjasama dan penyertaan komuniti yang kurang / lemah dan tidak menyeluruh dalam setiap aktiviti sosial yang dilaksanakan.
- Imej MPKL perlu ditingkatkan bagi memberi gambaran yang terbaik kepada masyarakat.
- Masyarakat kurang kefahaman tentang peranan dan fungsi MPKL menyebabkan aduan berulang mengakibatkan MPKL digambarkan kurang efektif.

CABARAN LUARAN

secara holistik adalah sangat penting bagi memastikan perubahan perbandaran negara seiring dengan perubahan global.

PERANCANGAN PASCA COVID-19

Pandemik COVID-19 dengan peningkatan jangkitan dan kematian yang tinggi telah menyebabkan keperluan penilaian semula pendekatan perancangan fizikal untuk dilaksanakan pada masa hadapan. Ini penting bagi memastikan perancangan bandar dapat menyediakan persekitaran fizikal yang mampu mencegah dan mengawal jangkitan penyakit berbahaya, berfungsi secara berkesan dalam suasana kecemasan seperti darurat serta menyokong ekosistem pendigitalan negara.

PERUBAHAN IKLIM DUNIA DAN RISIKO BENCANA

Perubahan iklim global merupakan ancaman yang perlu diberi perhatian dan ditangani secara menyeluruh kerana ianya boleh memberi kesan terhadap peningkatan suhu dunia dalam jangka masa yang panjang. Selain itu, perubahan ini juga boleh memberi kesan terhadap peningkatan berlakunya bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, hakisan pantai, gempa bumi dan peningkatan aras laut. Cabaran ini perlu ditangani supaya risiko-risiko ini dapat dikenal pasti, penilaian kerentanan (vulnerability assessment), langkah-langkah untuk mengukuhkan tahap kesediaan bandar dan langkah-langkah pemulihan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

ANALISIS PERSEKITARAN (SWOT)

KEKUATAN

- Kepimpinan yg dinamik
- Sumber hasil pendapatan yg tetap
- Sumber manusia yg kompeten
- Kakitangan yang multitasking
- Kemudahan ICT yang terkini
- Kawasan pelancongan seperti Eco Tourisme, Sport Tourisme dan Edu Tourisme

KELEMAHAN

- Kurang perkongsian maklumat antara jabatan dalaman
- Ruang pejabat yang terhad
- Sering mengalami gangguan sistem ICT
- Perkembangan kerjaya yang terhad
- Dasar dan polisi sentiasa berubah

PELUANG

- Lokasi pertumbuhan baru
- Respon daripada masyarakat
- Peluasan kawasan kawalan
- Sokongan kerajaan negeri dan persekutuan
- Kepelbagaian sumber pendapatan
- Wilayah Lembah Kelang II
- Pembinaan lebuh raya baru
- Berhampiran pelabuhan dan lapangan terbang

ANCAMAN

- Kurang perkongsian maklumat antara jabatan dalaman
- Ruang pejabat yang terhad
- Sering mengalami gangguan sistem ICT
- Perkembangan kerjaya yang terhad
- Dasar dan polisi sentiasa berubah
- Kakitangan baru kurang pengalaman
- Pengurusan aduan yang lemah
- Kakitangan bermasalah.

BAB 3

HALA TUJU STRATEGIK

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT





VISI, MISI DAN MOTTO MPKL

VISI



Kuala Langat perbandaran yang mampan, komprehensif dan berdaya saing menjelang 2025

MISI



Melaksanakan gugusan perbandaran yang lestari dan bertaraf global melalui jalinan kerjasama pintar bersama komuniti bagi membangunkan bandar berdaya huni

MOTTO



“Kuala Langat Indah, Harmoni dan Bestari”

PENGENALAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (Sustainable Development Goals, SDGs)

Matlamat Pembangunan Mampam atau Matlamat Pembangunan Lestari (*Inggeris: Sustainable Development Goals, SDGs*) terdiri daripada 17 Matlamat yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Perhimpunan Agung PBB pada September 2015, di New York, Amerika Syarikat untuk dicapai pada 2030 sebagai agenda demi pembangunan dan kemaslahatan manusia dan Bumi. Matlamat ini merupakan kesinambungan daripada Matlamat Pembangunan Milenium yang berakhir pada 2015 dan sebahagian daripada Resolusi 70/1 Perhimpunan Agung PBB, Agenda 2030.





PENJAJARAN PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT 2021-2025 DENGAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN ATAU MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (Sustainable Development Goals, SDGs)

TERAS 1 | TADBIR URUS TERBAIK



TERAS 2 | INFRA DAN KEMUDAHAN AWAM



TERAS 3 | PEMBANGUNAN MAMPAN



TERAS 4 | PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI



TERAS 5 | PEMBENTUKAN MASYARAKAT LESTARI




PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT 2021-2025

5 TERAS

33 STRATEGI

114 PELAN
TINDAKAN





TERAS STRATEGI



PELAN STRATEGIK MPKL 2021-2025



TERAS 1 : TADBIR URUS TERBAIK (TUT 1 – TUT 4)

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN (KPI)	TINDAKAN
TUT 1 : TRANSFOMASI DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI	TUT 1.1 : Pengurusan Strategik Sumber Manusia	TUT 1.1.1 : Pelan Strategik Sumber Manusia	Peratus staf mendapat LNPT (95% ke atas)	JKP
			Sifar Kes Tatatertib	JKP
		TUT 1.1.2 : Pengurusan Prestasi	70% daripada Bilangan Kakitangan Menghadiri Latihan/ Kursus, Pengiktirafan	JKP
			Sistem Penarafan Bintang – Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) – (5 star)	JKP
			Pengiktirafan Anugerah Perkhidmatan Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC) (85%)	JKP
		TUT 1.1.3 : Pengurusan Maklumat Kakitangan	Semakan semula perjawatan kakitangan (2 tahun sekali)	JKP
	Kemudahan dan kebajikan (MBJ-3 kali setahun)		JKP	
	TUT 1.2 : Memperkasa Kemampuan Organisasi	TUT 1.2.1 : Pengukuhan Integriti Dan Akauntabiliti	Pelan Integriti Organisasi	JKP
			Pengurusan Sistem Kualiti MS ISO 9001:2015	JKP
			Pengurusan Sistem Kualiti Antirasuah (ABMS) ISO 37001 : 2016	JKP
			Indeks akauntabiliti pengurusan keuangan (8 elemen pengurusan kewangan)	JP
		TUT 1.2.2 : Memperkasa Dan Memberdayaan Modal Insan	Menjalankan 5 aktiviti setahun	JKP
			Mengamalkan sistem pusingan kerja sebagai nilai tambah kakitangan dan meningkatkan pengetahuan sumber manusia MPKL (20% untuk tempoh 5 tahun)	JKP
		TUT 1.2.3 : Memantapkan Pengurusan Aduan	Sistem Pengurusan Aduan Penyelesaian aduan mengikut piagam i. Menerima dan menyalurkan aduan yang di terima dalam tempoh 30 minit ke jabatan yang berkaitan mengikut hari bekerja. (SISPAA / MPKL-ADU) ii. Memaklumbalas akuan penerimaan aduan dalam tempoh 24 jam mengikut hari bekerja. (SISPAA / MPKL-ADU)	JKPM
			• Kajian Persepsi Pelanggan • Program Hari Bertemu Pelanggan (1 tahun sekali) • Kaji selidik kajian kepuasan pelanggan (1 tahun sekali)	JKPM
			Pengiktirafan Pensijilan ‘Customer Service Management’ (CSM) (1 tahun sekali)	JKPM



STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN (KPI)	TINDAKAN
	TUT 1.3 : Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Kawalan Dalaman	TUT 1.3.1 : Memperkukuhkan Dan Melaksanakan Jawatankuasa Audit Dari Pengurusan Korporat MPKL.	Mematuhi Pelaksanaan Mesyuarat 3 kali setahun.	UAD
		TUT 1.3.2 : Mengadakan Aktiviti Audit	Mematuhi Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan, Akta, Pekeliling Dan Perundangan Serta Dasar dan Polisi Yang Digunapakai Oleh Kerajaan Mengikut Jenis Auditan Yang Dilakukan (13 audit setahun)	UAD
	TUT 1.4 : Memantapkan Sistem Prosedur Kerja Dalam Perkhidmatan	TUT 1.4.1 : Pelaksanaan auditan MS ISO 9001	Mensasarkan 1 audit dalaman dan 1 audit luaran dengan pencapaian sifar NCR.	JKP
TUT 2 : PENGUKUHAN HUBUNGAN DAN JALINAN KERJASAMA YANG KOMPREHENSIF	TUT 2.1 : Perkongsian Pintar Awam Dan Swasta	TUT 2.1.1 : Bilangan kerjasama pintar	Mengadakan perjumpaan dan libat urus antara agensi kerajaan , NGO, Pihak swasta dan komuniti. (10 kali setahun)	JPP
	TUT 2.2 : Pengukuhan Hubungan Dan Kerjasama Di Peringkat Negeri / Persekutuan/ Antarabangsa	TUT 2.2.1 : Bilangan hubungan kerjasama	3 projek setahun	JPP
		TUT 2.2.2 : Bilangan adaptasi polisi negeri/kebangsaan/ antarabangsa dalam polisi tempatan	5 polisi / dasar setahun	JPP
	TUT 2.3 : Kerjasama Bandar Berkembar Di Pelbagai Peringkat (Nasional/ Antarabangsa)	TUT 2.3.1 : Bilangan MOU/MOA - jalinan kerjasama rasmi antara bandar berkembar.	3 MOU/MOA setahun	JPP
		TUT 2.3.2 : Bilangan projek kerjasama antara bandar kerjasama pintar	3 program / 5 tahun	JPP
	TUT 2.4 : Memperkukuh Kesepakatan Di antara Rakan Sinergi	TUT 2.4.1 : Bilangan kerjasama pintar	Mengadakan perjumpaan/lawatan dan libat urus antara agensi kerajaan, NGO, Pihak swasta dan komuniti sebanyak: i. Program Penandasarasan : 3 kali setahun ii. Lawatan/ Kunjungan dari Luar : 3 kali setahun	JKPM
TUT 3 : PENGUKUHAN KOMPETENSI ICT	TUT 3.1 : Pembangunan dan Pelaksanaan pelan strategik ICT	TUT 3.1.1 : Pelan strategik ICT	Mencapai 100% pelaksanaan perancangan PSPICT 2021-2025	BTM
	TUT 3.2 : Memperkasa infrastruktur, Rangkaian dan infrastruktur ICT	TUT 3.2.1 : Bilangan gangguan sistem dan Rangkaian · penurunan "down time"	Ke arah menaiktaraf langganan rangkaian internet SLG 99.9% dari pihak telco.	BTM
	TUT 3.3 : Penyelenggaraan ICT	TUT 3.3.1 : Bilangan gangguan sistem dan Rangkaian · penurunan "down time"	Melaksanakan penyelenggaraan perkakasan ICT sekurang-kurangnya 3 kali setahun.	BTM

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN (KPI)	TINDAKAN
	TUT 3.4 : Pengoptimuman perimeter Keselamatan ICT	TUT 3.4.1 : Bilangan gangguan sistem dan Rangkaian · penurunan "down time"	Mengaplikasi keselamatan ICT terkini terhadap rangkaian dan sistem komputer (2 kali setahun)	BTM
	TUT 3.5 : Pemantauan keselamatan Data/maklumat	TUT 3.5.1 : Bilangan gangguan sistem dan Rangkaian · penurunan "down time"	Membuat pengujian keselamatan terhadap data dan maklumat 2 kali setahun.	BTM
TUT 4 : KEMAMPANAN PENGURUSAN KEWANGAN	TUT 4.1 : Memantapkan kecekapan pengurusan hasil cukai	TUT 4.1.1 : Membuat pindaan terhadap senarai nilai.	Pindaan terhadap senarai nilai 2 kali setahun	JPPH
		TUT 4.1.2 : Mengutip Cukai Taksiran Semasa	Menetapkan dan mengekalkan kutipan cukai taksiran semasa sekurang-kurangnya 90% daripada sasaran yang di bajetkan	JP
		TUT 4.1.3 : Mengutip Tunggakan Cukai Taksiran	Menetapkan dan mengekalkan kutipan tunggakan cukai taksiran sekurang-kurangnya 70% daripada sasaran kutipan tunggakan yang telah di bajetkan	JP
	TUT 4.2 : Memantapkan Kecekapan Pengurusan Hasil Bukan Cukai	TUT 4.2.1 : Mengutip Sewaan Semasa	90% daripada kenaaan sewa semasa	JPPH
		TUT 4.2.2 : Mengutip Tunggakan Sewaan	70% daripada tunggakan sewa	JPPH
		TUT 4.2.3 : Menjana hasil-hasil lain	Mewujudkan hasil-hasil baharu (3 kali dalam tempoh 5 tahun)	JP
	TUT 4.3 : Mengelakkan perbelanjaan yang tidak dirancang	TUT 4.3.1 : Pelan operasi bajet tahunan	i. Mengadakan mesyuarat penyediaan bajet bersama Ketua Jabatan dan Ahli Jawatankuasa Kewangan (2 kali setahun) ii. Menghasilkan buku bajet tahunan (1 kali setahun) iii. Mengadakan mesyuarat kajian semula bajet (2 kali setahun)	JP
	TUT 4.4. : Unjuran pendapatan majlis	TUT 4.4.1 : i. Kutipan cukai semasa 90%, tunggakan 70%	Meningkatkan kesedaran awam bagi kepentingan pembayaran cukai taksiran (4 aktiviti setahun)	JP
	TUT 4.5 : Penilaian pengurusan prestasi kewangan	TUT 4.5.1 : Sijil bersih jabatan audit negara	Mendapatkan sijil bersih setiap tahun	JP
	TUT 4.6 : Mengoptimumkan perbelanjaan	TUT 4.6.1 : Peratus peningkatan perbelanjaan Pembangunan · pengurangan perbelanjaan pengurusan	Menetapkan peratus perbelanjaan sekurang-kurangnya 90% daripada bajet yang telah diluluskan	JP



TERAS 2 : INFRA DAN KEMUDAHAN AWAM (IKA 1 – IKA 8)


STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN (KPI)	TINDAKAN
IKA 1 : MEWUJUDKAN JARINGAN INFRASTRUKTUR LALU LINTAS YANG BERSEPADU	IKA 1.1 : Pengurusan Kecekapan Lalu Lintas	IKA 1.1.1 : Smart Traffic Light	Melaksanakan Smart Traffic Light di Daerah Kuala Langat (10 traffic light dalam tempoh 5 tahun)	JK
		IKA 1.1.2 : Smart Parking	Mempromosikan penggunaan Smart Parking di Daerah Kuala Langat (3 medium komunikasi setiap tahun)	JP
		IKA 1.1.3 : Kuala Langat Command Centre	Membangunkan Kuala Langat Command Centre	JPK
	IKA 1.2 : Pemantauan Lalu Lintas Di Bawah Pentadbiran Majlis Yang Sempurna Dan Berkualiti	IKA 1.2.1 : Peratus Jalan Berkeadaan Baik Mengikut Piawaian Kejuruteraan • Tahap Perkhidmatan (L.O.S) Jalan Pada • Tahap Minimum 'D' • Kadar Kemalangan Per Penduduk	i. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan. (Membelanjakan sekurang-kurangnya 80% daripada peruntukan Penyelenggaraan MARRIS untuk peny. Jalan di kawasan MPKL) ii. Tindakan pembaikan keatas kerosakan jalan (Potholes) dilaksanakan dalam tempoh 24 jam.	JK/JPP
IKA 2 : PENYEDIAAN PENGANGKUTAN AWAM SEIRING DENGAN PEMBANGUNAN BANDAR	IKA 2.1 : Pemantauan Perancangan Pembangunan Jaringan Pengangkutan Awam YangCekap	IKA 2.1.1 : Pemantauan Penyediaan Kemudahan Pengangkutan Awam	i. Mewujudkan terminal bas MPKL ii. Menambah bilangan / menaiktaraf pondok hentian bas di lokasi-lokasi yang strategik dan mempunyai keperluan. (2 unit setahun)	JK
	IKA 2.2 : Menyokong Inisiatif Bas 'Smart Selangor' dengan Mewujudkan Jaringan Perkhidmatan Bas 'Smart Selangor' Di Peringkat MPKL	IKA 2.2.1 i. Meningkatkan Bilangan Orang Awam Yang Menggunakan Perkhidmatan Pengangkutan Awam ii. Kecekapan Perkhidmatan Pengangkutan Awam (Tempoh Masa, Kekerapan, Mesra OKU, dll) iii. Kawasan Liputan Bas 'Smart Selangor'	Laluan 1 : Jumlah trip perjalanan – 16 trip sehari (5,840 trip setahun) Laluan 2 : Jumlah trip perjalanan – 11 trip sehari (4,015 trip setahun)	JPP
IKA 3 : PENYEDIAAN KEMUDAHAN AWAM YANG INKLUSIF DAN MEMENUHI KEPERLUAN MASYARAKAT	IKA 3.1 : Penyediaan Keperluan Kemudahan Komuniti Industri / Perdagangan (Kawasan Riadah / Medan Selera / Tapak Penjaja / Pasar /Tandas Awam / DII)	IKA 3.1.1 • Mewujudkan / menaiktaraf tandas awam, medan selera dan kawasan riadah	Melaksanakan projek menaiktaraf tandas awam, medan selera dan kawasan riadah (2 projek setahun)	JK/JL

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN (KPI)	TINDAKAN
	IKA 3.2 : Penyediaan Kemudahan Sukan Dan Riadah	IKA 3.2.1 · Projek Penyediaan Kemudahan Sukan dan Riadah. · Syarat Perancangan Bagi Pemajuan Pembangunan untuk memperkasakan Konsep “Gaya Hidup Sihat Menjana Kesejahteraan Sosial”	i. Menyediakan/menyelenggara kemudahan sukan & riadah di kawasan lapang (50 projek setahun) ii. Mensyaratkan kepada pemaju untuk menyediakan kemudahan sukan dan riadah dalam setiap pemajuan pembangunan yang terdapat kawasan lapang melebihi 0.25 ekar ke atas bagi mematuhi garis panduan pembangunan pelan landskap.	JL
	IKA 3.3 : Penyediaan Infrastruktur Sosial (Dewan / Dataran / Taman Awam / dll)	IKA 3.3.1 : Bilangan Infrastruktur Sosial, Seni dan Budaya	Membina sebuah dewan terbuka di Sijangkang.	JK
	IKA 3.4 : Membantu mempromosi Warisan Budaya dan Sejarah; · Muzium / kiosk Warisan Budaya dan Sejarah · Monumen Sejarah	IKA 3.4.1: Bilangan promosi dan publisiti Warisan Budaya dan Sejarah	4 kali setahun	JKPM
	IKA 3.5 : Penyediaan dan penyelenggaraan Infrastruktur Capaian Pintar (Pindah Capaian Pintar)	IKA 3.5.1 : Bilangan Infrastruktur Capaian Pintar	4 kiosk dalam tempoh 5 tahun	BTM / JP
	IKA 3.6 : Penyediaan Infrastruktur yang Menyokong Kepada Bandar Bebas Halangan (OKU/ Disable)	IKA 3.6.1 : Keberkesanan penyediaan Infrastruktur/ kemudahan Bandar Bebas Halangan	Menjalankan audit akses OKU 3 kali setahun	JKB
	IKA 3.7 : Penyediaan Infrastruktur Asas Kawasan Perniagaan/ Perindustrian yang Menyokong kepada Pertumbuhan Positif Komuniti Tersebut	IKA 3.7.1 : Bilangan Infrastruktur Kawasan Perniagaan/ Perindustrian	5 projek menjelang 2025	JK
	IKA 3.8. : Penyediaan Infrastruktur Yang Menyokong Kepada Bandar Mesra Wanita	IKA 3.8.1 : Keberkesanan penyediaan Infrastruktur Bandar Mesra Wanita	Menjalankan audit akses 3 kali setahun	JKB



STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN (KPI)	TINDAKAN
